

## EMEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

## → INTERAKTIF

[FOTO HIASAN]

# Pengusaha madu kelulut perlu bijak manfaat penyelidikan



**Madu lebah kelulut mendapat permintaan tinggi** terutama kepada pengguna yang mementingkan kesihatan.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai pelbagai sumber hasil semula jadi yang dapat dimanfaatkan pengguna. Antara sumber semula jadi terdapat di Malaysia ialah madu lebah yang digunakan sejak dahulu lagi.

Melalui pelbagai kajian dibuat sama ada dalam atau luar negara, madu lebah dilaporkan mempunyai banyak kegunaan dan berkhasiat merawat pelbagai penyakit.

Terdapat beberapa spesies lebah di Malaysia yang menghasilkan madu melalui ternakan semula jadi atau secara komersial iaitu lebah tualang, lebah melliferra dan yang terbaru lebah kelulut.

Kelulut adalah lebah bersaiz kecil dan tidak menyengat seperti lebah lain. Lebah kelulut mudah diternak dan dikendalikan serta memberi pulangan tinggi.

Madu kelulut mempunyai banyak khasiat untuk mencegah dan merawat penyakit. Hal ini dibuktikan dengan kajian berterusan oleh universiti, termasuk Universiti Putra Malaysia (UPM) dan institut penyelidikan tempatan.

Akhir-akhir ini, madu lebah kelulut mendapat permintaan tinggi, khususnya pengguna yang mementingkan kesihatan dan menjadikan madu sebagai makanan sampingan. Ini sekali gus memerlukan penternak atau pengeluar madu lebah kelulut meningkatkan jumlah pengeluaran berkualiti bagi memenuhi permintaan.

Selaras dengan teknologi yang semakin maju dan berkembang, pengguna di Malaysia kian bijak dalam memilih serta membandingkan madu asli dan berkualiti dengan madu tiruan yang terdapat di pasaran. Kebanyakan pengguna peka dengan ciri deria madu kelulut yang asli.

## Kajian UPM

Satu kajian dilakukan penyelidik UPM menyasarkan pengguna yang pernah dan mengamalkan pengambilan madu terutama madu lebah kelulut. Kajian ini melihat penerimaan dan kehendak pengguna terhadap madu lebah kelulut berdasarkan ciri deria dan sampel madu asli yang diperoleh daripada pembekal madu lebah kelulut.

Dapatan kajian menunjukkan

majoriti pengguna menyatakan rasa madu lebah kelulut asli adalah masam dan mempunyai aroma yang kuat.

Berdasarkan beberapa kajian lalu, madu lebah kelulut memang masam hasil daripada nektar yang diperoleh daripada pelbagai jenis bunga di sekitar sarang lebah kelulut. Rasa masam ini digemari pengguna kerana ia adalah rasa asli madu lebah kelulut dan baik untuk kesihatan.

Pengguna juga menyatakan madu lebah kelulut tidak likat atau cair selain mempunyai kandungan air yang tinggi berbanding madu lebah lain.

Kebanyakan pengguna dalam kajian ini juga menyatakan, warna madu lebah kelulut lebih gelap.

Warna ini dipengaruhi tempoh matang madu sebelum dan selepas dituai dari sarang. Penerimaan pengguna terhadap warna madu lebah kelulut yang gelap adalah tinggi, berdasarkan pendapat madu lebah kelulut berwarna gelap mempunyai khasiat tinggi.

Berdasarkan dapatan ini, penternak madu lebah kelulut perlu lebih peka dengan pengetahuan

pengguna terhadap madu asli untuk memasarkan produk.

Pengeluar atau penternak kelulut perlu mengekalkan keaslian madu dan memastikan kualiti setiap ciri deria mengikut spesifikasi ditetapkan pihak berwajib serta mengikut kehendak pengguna berdasarkan dapatan kajian yang dilaksanakan.

Sebelum memasarkan produk madu lebah kelulut, pihak pengeluar dan penternak harus membuat uji kaji makmal terhadap ciri-ciri deria madu yang dihasilkan untuk memastikan kualiti madu lebah kelulut terjamin melalui bukti saintifik.

## Tingkatkan pengeluaran

Untuk memenuhi permintaan dalam negara, pengeluar dan penternak perlu meningkatkan jumlah pengeluaran madu lebah kelulut untuk mengelak pengguna bergantung kepada madu import.

Penternak juga perlu meluaskan kawasan penternakan dan menambah sarang lebah kelulut untuk membolehkan hasil dituai dapat memenuhi permintaan dalam negara. Di samping itu, kejujuran

penternak amat perlu untuk memastikan khasiat serta keaslian madu lebah kelulut dapat dirasai oleh pengguna.

Terdapat laporan kes yang menyatakan ada penternak tidak beretika menjual madu tiruan. Terdapat juga penternak atau pembekal madu dari luar negara menjual madu yang dicemari dengan bahan berbahaya yang boleh menjejaskan kesihatan pengguna.

Penternak madu lebah kelulut harus bijak menggunakan dapatan daripada penyelidikan dan mengambil peluang daripada setiap penyelidikan untuk meningkatkan kualiti tuaian madu lebah kelulut mereka.

Ya selaras standard dan kriteria ditetapkan pihak tertentu serta kehendak pengguna, di samping dapat menarik minat pengguna mengamalkan pengambilan madu lebah kelulut asli dan berkualiti.

## Prof Dr Mohd Mansor Ismail

Penyelidik di Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia.